

Empat aspek psikologi bantu seimbang kerjaya, keluarga

➔ Pelbagai tuntutan tugas uji kemampuan wanita untuk kekal dalam dunia pekerjaan

Oleh Fatin Hafizah Mohd Shahar
fatin@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Pembabitan wanita dalam kerjaya dan sumber tenaga kerja negara dalam pelbagai bidang meningkat 47 peratus sejak 10 tahun lalu.

Statistik peningkatan dilihat ketara dalam sektor keusahawanan, apabila melahirkan 82,911 usahawan baharu diikuti dengan kerjaya dalam bidang profesional, penguasaan dan teknikal.

Pegawai Psikologi Kanan Bahagian Kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata jumlah itu membuktikan kedudukan wanita dalam sosiologi berubah apabila mereka mula menguasai sektor profesional dan perniagaan.

Namun, katanya, bagi menge-

kalkan wanita dalam sumber tenaga kerja negara, faktor yang boleh menggugat kesempurnaan kerjaya perlu diambil kira.

Katanya, wanita berdepan pelbagai cabaran yang boleh mengurangkan peranan dan tanggungjawab dalam industri pekerjaan.

“Perubahan corak kehidupan wanita yang menjadi pekerja, ibu dan isteri memberi tekanan pada mereka apabila terpaksa memikul tanggungjawab untuk ketiga-tiga tugas dalam satu masa.

“Wanita bekerja dan berkeluarga juga sering berdepan tuntutan masa, tenaga dan emosi sehingga menguji kemampuan mereka,” katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Capai keseimbangan

Justeru, beliau berkata, empat dimensi psikologi kekeluargaan seharusnya diterapkan bagi membantu wanita mencapai keseim-



Psikologi kekeluargaan bantu wanita mencapai keseimbangan kerjaya dan keluarga.



Wanita bekerja dan berkeluarga sering berdepan tuntutan masa, tenaga dan emosi sehingga uji kemampuan mereka”

Siti Fatimah Abdul Ghani,
Pegawai Psikologi Kanan
Bahagian Kaunseling UPM

bangkan kerjaya dan keluarga..

“Empat dimensi psikologi kekeluargaan itu meliputi psikologi, biologi, sosial dan spiritual. Setiap individu harus memberi penekanan terhadap empat aspek berkenaan.

“Dengan komunikasi, penghargaan, penghormatan, kasih sayang dan persekitaran sosial positif, melengkapkan pelaksanaan wanita untuk menjadi warga kerja yang lebih kuat, berdaya saing dan terbilang,” katanya.

Siti Fatimah berkata, keperluan psikologi meliputi keinginan untuk disayangi dan dihormati serta sokongan moral.

“Jika keperluan itu tidak dipenuhi dalam persekitaran sosial yang pelbagai rencam boleh menggugat hubungan suami isteri seperti terdedah pada perceraian atau pergaduhan berikutan tekanan dan bebanan dihadapi golongan itu.

“Selain itu, keperluan biologi pula membabitkan aspek keselamatan, kesihatan dan kecantikan imej menyeluruh,” katanya.

Beliau berkata, keperluan sosial berkaitan dengan pergaulan dengan orang lain termasuk di persekitaran kejiwaan, kekeluargaan dan di tempat kerja.

Keperluan spiritual penting

“Kepentingan keperluan sosial penting bagi memberikan keseimbangan wanita di tempat kerja dan persekitaran supaya lebih seronok dengan tanggungjawab dipikul.

“Keperluan spiritual penting bagi memastikan keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual,” katanya.

Beliau berkata, keluarga cemerlang, toleransi dan perkongsian tanggungjawab dan tugas, selain komunikasi berkesan menjadikan mereka lebih sempurna dalam menjalani kehidupan.